

8.9.2024
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

KAPASITI RAWATAN AIR DI PULAU PINANG MENINGKAT 114 JUTA LITER SEHARI (JLH)

- **Pakej 12A Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua akan dibuka secara rasmi oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow pada 14.9.2024.**
- **Kapasiti reka bentuk maksimum LRA Sungai Dua meningkat daripada 1,228 juta liter sehari (JLH) kepada 1,342 JLH.**
- **Projek Paip Menyeberangi Sungai Perai juga telah bermula dan dijadualkan siap pada Januari 2026.**

PULAU PINANG, Ahad, 8.9.2024: Perasmian Pakej 12A di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua akan meningkatkan kapasiti rawatan air Pulau Pinang sebanyak 114 juta liter sehari (JLH) bermula bulan ini.

114 JLH adalah bersamaan dengan jumlah air yang boleh digunakan untuk mengisi 76 juta botol air minuman 1.5L yang besar setiap hari.

Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow dijadualkan untuk merasmikan Pakej 12A di Sungai Dua pada hari Sabtu depan, 14 September 2024.

Pakej 12A merujuk kepada modul rawatan air baharu yang dibina di dalam kawasan LRA Sungai Dua. Modul ini dibina dengan pantas sebagai respons terhadap peningkatan permintaan air pasca pandemik.

LRA Sungai Dua adalah loji rawatan air terbesar dan paling penting di Pulau Pinang. Air terawat dari loji ini dibekalkan kepada kira-kira 465,000 pengguna air setiap hari. Oleh itu, manfaat daripada Pakej 12A akan dinikmati oleh 465,000 pengguna air di kawasan perkhidmatan LRA ini.

Di tanah besar, kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua merangkumi kebanyakan kawasan di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Air terawat dari LRA Sungai Dua juga dipam kepada pengguna di Daerah Barat Daya (DBD) dan beberapa kawasan di Daerah Timur Laut (DTL) di bahagian pulau.

Pada tahun ini, PBAPP juga mengepam sehingga 33 JLH air dari Sungai Dua ke kawasan perkhidmatan Air Itam di bawah Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024).

Paip Menyeberangi Sungai Perai

Kerja-kerja juga telah dimulakan untuk projek pemasangan paip baharu menyeberangi Sungai Perai sepanjang 180 meter berdiameter 1.35 meter, berhampiran Jambatan Ampang Jajar. Paip ini dijadualkan mula beroperasi pada Januari 2026.

Apabila siap, Paip Menyeberangi Sungai Perai ini akan membolehkan PBAPP membawa lebih banyak aliran dan jumlah air terawat dari LRA Sungai Dua ke bahagian pulau.

Langkah ini akan menangani isu kekurangan air secara sporadik di beberapa kawasan tanah tinggi dan kawasan hujung paip agihan (HPA) di Daerah Barat Daya (DBD) dan beberapa kawasan di Daerah Timur Laut (DTL).

Paip baharu ini, dengan struktur sokongannya sendiri yang dibina di atas sungai, akan menggantikan dua paip berkembar berukuran 600mm sepanjang 225 meter yang dipasang di sepanjang Jambatan Ampang Jajar sejak Januari 2024. Paip berukuran 600mm ini telah dipasang sebagai penyelesaian sementara untuk mengepam air ke bahagian pulau selepas paip bawah air berukuran 1.35 meter yang telah berkarat mengalami kebocoran berulang kali di dasar sungai pada Disember 2023 dan Januari 2024.

Dengan diameter 1.35 meter, Paip Menyeberangi Sungai Perai yang baharu ini dapat menyalurkan “jumlah air yang lebih tinggi” ke bahagian pulau, terutamanya semasa tempoh penggunaan air yang tinggi.

Dalam erti kata lain, paip menyeberangi sungai ini dipasang untuk membekalkan lebih banyak air kepada kira-kira 120,000 pengguna air di bahagian pulau, termasuk kilang-kilang di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas. Apabila beroperasi, ia juga akan meningkatkan kestabilan perkhidmatan bekalan air di kawasan barat, barat daya, dan selatan pulau.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my